

## Amaran

Dr. Mahathir, yang juga Naib Presiden UMNO berucap merasmikan seminar UMNO Kelantan di Maktab Sultan Ismail di sini hari ini.

"Kita tidak boleh berpuas hati dengan apa yang telah kita capai setakat ini, tetapi sebaliknya hendaklah berusaha berhabis-habisan mengekalkan kuasa yang

ada pada UMNO sejak 20 tahun lalu," tegasnya.

Timbalan Perdana Menteri itu mengingatkan, UMNO tidak mampu memberikan sedikit peluang pun kepada kalangan yang berusaha melemahkannya yang akan membawa kepada pepecahan parti.

Beliau juga memberi amaran kepada segenap lapisan kepimpinan UMNO supaya jangan sekali-kali cuba mempengaruhi rakyat semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.

"Memang terdapat setengah dari mereka yang ingin memecah-belahkan perpaduan yang ujud dalam Barisan Nasional," katanya.

akan kekal selamanya-lamanya.

"Kita bukan bermegah dengan kuasa yang ada pada kita, tetapi dengan kuasa itu kita dapat menentukan nasib kita yang lebih baik lagi di masa depan," ujarnya.

Dr. Mahathir yakin dengan kuasa politik itu, UMNO akan dapat mengadakan berbagai kemudahan dalam semua bidang dan menjadikan ekonomi orang Melayu lebih baik dari masa lalu.

"Kita akan kekalkan kekuasaan itu kerana melalui pertubuhan politik dalam Barisan Nasional kita dapat menentukan masa depan orang-orang Melayu dan bangsa kita sendiri," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri itu yakin, selagi sistem demokrasi diamalkan, kerajaan Barisan Nasional sekarang akan terus kekal

**LIHAT MUKA 16**

Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri akan diadakan bulan depan.

Beliau yang menjadi pengerusi jawatankuasa itu berkata, mesyuarat itu bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang penglibatan Bumiputra dalam bidang ekonomi di negara ini.

Beliau menyatakan tidak puas hati tentang kejayaan yang dicapai setakat ini oleh peniaga Bumiputra jika dibandingkan persaingan hebat dari kalangan bukan Bumiputra walaupun kerajaan menyediakan modal dan kredit.

Dr. Mahathir menegaskan kerajaan akan menumpukan peruntukan dan kakitangan yang lebih kepada 4 buah negeri yang mundur — Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis.

Langkah itu akan dapat menyelaraskan pelaksanaan pembangunan bagi mencapai taraf yang sama dengan negeri-negeri yang telah maju di negeri ini.